

DALAM KES TRIBUNAL KOPERASI T-42-2011

DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

ANTARA

MALATHY A/P NADARAJAH

PEMOHON

DAN

KOPERASI WAWASAN PEKERJA-PEKERJA BERHAD (KOWAJA)

RESPONDEN

ALASAN AWARD

KEPUTUSAN SEBULAT SUARA: PUAN TAN GHEE PHAIK, Pengerusi Tribunal Koperasi; TUAN ABDUL LATIB BIN TALIB, Anggota Panel SKM; DAN TUAN HAJI AWI BIN AB. JALIL, Anggota Panel Koperasi

FAKTA KES

1. Dalam kes ini, Pemohon pada asalnya mempunyai pinjaman dengan Bank Rakyat yang dikenakan kadar faedah 4.5% setahun. Pemohon telah dipelawakan oleh agen Responden, En Eric Kwok untuk mengambil pinjaman daripada Responden kerana mengikut En Eric Kwok, kadar faedah yang dikenakan oleh Responden hanyalah 1.99% setahun sahaja. Oleh ini, Pemohon telahpun mula berurusan dengan agen Responden untuk membuat pengiraan kelayakan Pemohon mendapat pinjaman daripada Responden bagi menyelesaikan pinjamannya dengan Bank Rakyat.

2. Tidak terdapat sebarang pertikaian bahawa En Eric Kwok adalah agen Responden kerana semasa pemeriksaan balas, Pemohon ditanya seperti berikut:

“Peg. Responden : Adakah Encik Eric memberitahu kamu bahawa dia adalah daripada Responden?

SP1 : Ya, dia memberitahu saya dia adalah pegawai daripada KOWAJA dan dia akan menyemak berkenaan kelayakan saya untuk mendapatkan pinjaman daripada KOWAJA.”

3. Hanya soalan ini sahaja yang ditanya kepada Pemohon dan tiada apa-apa lagi soalan lain berkenaan dengan En Erik Kwok ditanya. Dengan ini, Tribunal Koperasi ini telah menerima En Erik Kwok sebagai wakil Responden yang telah berurusan dengan Pemohon bagi pihak Responden dalam urusan pinjaman ini.

Kadar Faedah Yang Dipersetujui

4. Responden menyatakan bahawa ia tidak pernah menawarkan pinjaman pada kadar 1.99% setahun untuk 10 tahun. Responden dalam Borang Bnya menjawab dan menyatakan bahawa pinjaman berjumlah RM48,200.00 yang diluluskan kepada Pemohon pada 23.2.2010 adalah “dengan kadar faedah 1.99 peratus untuk 3 tahun pertama dan berikutnya dengan kadar 10 peratus selama 10 tahun”.

5. Setelah disemak Jadual Pertama Pejanjian yang didakwa oleh Responden sebagai perjanjian yang ditandatangani oleh Responden dengan Pemohon, adalah didapati bahawa kadar faedah telah tidak disebutkan di dalam perjanjian tersebut. Apa yang dinyatakan di Seksyen 8 Jadual Pertama adalah tempoh pinjaman selama “120 bulan”. Oleh ini, keseluruhan tempoh pinjaman adalah 10 tahun sahaja dan bukan seperti mana yang didakwa oleh Responden dalam Borang Bnya untuk tempoh sepanjang 13 tahun atau 156 bulan.

6. Semasa SP1, iaitu Pemohon sendiri, memberi keterangannya, dia telah tidak diwakili peguam dan SP1 menyatakan seperti berikut:

“Saya menerima dokumen pinjaman ini daripada wakil Responden bernama Eric Kwok. Dia telah menunjukkan saya dokumen di ms 1 yang dilampirkan kepada Borang A saya. Saya diberitahu bahawa pinjaman adalah untuk tempoh 10 tahun pada kadar 1.99%. Saya juga diberitahu bahawa ansuran bulanan adalah tidak melebihi RM450.00.”

7. Semasa pemeriksaan balas SP1 yang pada masa itu tidak diwakili oleh peguam, tiada cabaran yang dibuat berkenaan apa yang dinyatakan oleh SP1 berkenaan kadar faedah yang tersebut di atas. Pada masa SP1 memberi keterangan pada tarikh sambung bicara baru, Pemohon telahpun diwakili oleh seorang peguam. Semasa pemeriksaan balas SR2, iaitu pegawai perhubungan pelanggan Responden, soalan peguam Pemohon adalah seperti berikut:

“Peg. Pemohon: Pemohon telah memberitahu kepada Tribunal bahawa beliau telah dijanjikan pinjaman dengan kadar faedah 1.99% setahun, selama 3 tahun?

SR2 : Responden memang ada menawarkan skim sedemikian untuk pinjaman selama 10 tahun di mana faedah 1.99% setahun diberikan untuk 3 tahun pertama.

Peg. Pemohon: Saya katakan bahawa Responden telah menawarkan skim tersebut kepada Pemohon.

SR2 : Ya setuju.”

8. Setelah meneliti kesemua keterangan di atas dan atas pengakuan kedua-dua pihak, maka Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara membuat penemuan bahawa pinjaman yang diberikan kepada Pemohon oleh Responden adalah pada kadar faedah 1.99% setahun untuk 3 tahun yang pertama dan pada kadar 10% setahun untuk tujuh tahun berikutnya.

Kadar Faedah Yang Sebenarnya Dikenakan

9. Walaupun kadar 1.99% setahun merupakan kadar faedah yang dipersetujui, Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa Responden tidak pernah memberikan kemudahan tersebut kepada Pemohon dan kadar sebenar yang dikenakan oleh Responden adalah melebihi kadar 1.99% setahun bagi 3 tahun yang pertama seperti mana yang dijanjikan.

Ini adalah jelas daripada keterangan yang diberikan oleh SR2 semasa pemeriksaan balas SR2 seperti berikut:

“Peg. Pemohon: Rujuk ms 4 R1. Di manakah faedah 1.99% dicatatkan dalam jadual ini?

SR2 : Kadar yang digunakan dalam jadual adalah 7.6% kerana itu adalah purata kadar 1.99% untuk 3 tahun pertama dan 10% bagi 7 tahun kemudian. Terdapat peruntukan dalam perjanjian bahawa kadar 7.6 % akan digunakan jika terdapat penyelesaian awal.

Peg. Pemohon: Saya katakan kepada kamu bahawa Pemohon telah disalah representasikan bahawa kadar faedah bagi 3 tahun pertama adalah 1.99%.

SR2 : Saya tidak tahu.

Peg. Pemohon: Setuju atau tidak sekiranya saya katakan bahawa pengiraan dalam jadual di ms 4 R1 tidak mengikut kadar 1.99% yang dipersetujui?

SR2 : Setuju.”

10. Berdasarkan ke atas keterangan yang diberikan oleh SR2, adalah jelas bahawa Responden telah mengenakan faedah pada kadar yang lebih tinggi daripada apa yang

dipersetujui. Walaupun SR2 menyatakan bahawa terdapat peruntukan dalam perjanjian bahawa kadar 7.6% akan digunakan jika terdapat penyelesaian awal, peruntukan tersebut tidak pernah dikemukakan kepada Tribunal Koperasi ini.

11. Semasa Pemeriksaan Semula, peguam Responden telah bertanya seperti berikut:

“Peg. Responden : Sekiranya Pemohon ingin membuat penyelesaian awal daripada 10 tahun ia akan dikira atas kadar 7.6%?

SR2 : Ya.”

12. SR2 tidak merujuk kepada mana-mana peruntukan yang spesifik dalam perjanjian pinjaman. Peguam Responden juga telah tidak merujuk kepada peruntukan tersebut semasa pengujahannya, jika peruntukan tersebut sebenarnya wujud.

13. Setelah menyemak perjanjian pinjaman, Tribunal Koperasi ini juga tidak dapat menemui peruntukan tersebut. Jumlah faedah yang ditunjukkan di ms 4-8 R1 iaitu Ikatan Dokumen Responden, adalah pada kadar 7.6% untuk 10 tahun dan jelas bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh SR2 sebagai kadar faedah bagi 3 tahun pertama yang ditawarkan kepada Pemohon. Di samping itu, jadual di ms 4-8 R1 juga tidak pernah menjadi sebahagian daripada perjanjian yang dikatakan telah dimasuki oleh Pemohon dan Responden. Maka Tribunal Koperasi ini memutuskan bahawa berdasarkan apa yang direpresentasikan oleh agen Responden dan dipersetujui oleh

SR2, Responden tidak boleh mengenakan kadar faedah sebanyak 7.6% setahun ke atas Pemohon bagi tempoh masa 3 tahun pertama, iaitu suatu kadar yang lebih daripada apa yang dijanjikan.

Tandatangan Pemohon Yang DiPalsukan dalam Perjanjian Pinjaman

14. Semasa memberi keterangan, Pemohon memberi keterangan bahawa tandatangan yang dikemukakan di ms 3 Borang A iaitu Borang Permohonan Pembiayaan Tunai Islam, adalah tandatangannya. Pemohon menyatakan bahawa dia hanya mengisikan sebelah kiri ms 3 sahaja dan Pemohon tidak mengenali orang yang disebutkan sebagai adik iparnya dalam Borang tersebut di ms 3 sebelah kanan. Pemohon mengaku bahawa tandatangan dalam mukasurat 6, 7, 8, dan 10 kepada Borang A adalah tandatangannya dan tandatangan di ms 11-14 di dalam perjanjian pinjaman bukannya tandatangannya dan telah dipalsukan.

15. Mengikut Pemohon, dia telah pergi ke pejabat Responden dan berjumpa dengan Cik Norsiha Hashim dan memberitahunya bahawa En Eric Kwok iaitu ejen Responden telah memungkir janji kepada dia. Dia mendapati bahawa En Eric telah memalsukan dokumen dan menyerahkan dokumen yang telah dipangkahnya seperti mana yang ditunjukkan di ms 5-9 kepada Borang A. Walaupun Pemohon dikatakan telah mengambil pinjaman untuk RM48,200.00, dia hanya menerima RM7830.61 selepas penyelesaian pinjamannya di Bank Rakyat sebanyak RM32,100.39 oleh agen Responden. Mengikut Pemohon, kesemua tindakan yang diambil oleh agen Responden adalah tanpa pengetahuan dan persetujuannya.

16. Akibat daripada berurusan dengan agen Responden, Pemohon menghadapi pelbagai kesulitan seperti berikut:

“Saya menelefon KOWAJA berulang kali dan amat sukar bagi saya mendapatkan sebarang jawapan atau untuk sesiapa menjawab panggilan telefon saya. Saya dirujuk dari seorang ke seorang iaitu orang yang bernama Chris, Roha, Wana, Wendy, Ng dan Kaur. Akhirnya saya diberitahu bahawa Eric telah dipecat oleh kerana terdapat lebih daripada 10 kes dan “scandal” yang melibatkan Eric.”

Akhirnya saya telah menerima panggilan telefon daripada wakil Responden iaitu Cik Wendy. Cik Wendy memberitahu saya beliau tidak dapat duduk dengan senang di pejabatnya kerana dia selalu ditanyakan oleh SKM samada kes ini telah diselesaikan. Dia memberitahu saya bahawa saya hanya perlu membayar RM12,000 sebagai penyelesaian pinjaman saya dan membuat bayaran berterusan selama 3 tahun yang pertama untuk jumlah RM706 setiap bulan. Cik Wendy bersetuju menghantar secara faks perjanjian dan syarat baru untuk saya menyelesaikan pinjaman saya.

Di sebaliknya saya difakskan surat membatalkan aduan saya sepertimana ditunjukkan di ms 32 Lampiran kepada Borang A saya. Saya telah menelefon balik Cik Wendy dan bertanya dengan dia kenapa dia menghantar saya surat sebegini. Cik Wendy memberitahu saya dia tidak dapat meneruskan dengan tindakan menyelesaikan aduan saya kecuali jika saya bersetuju menarik balik aduan saya.

Saya juga menerima dokumen daripada seorang pegawai Responden bernama Rohana seperti di ms 20 dan 21 Lampiran saya. Saya telah cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan pinjaman saya dengan Responden tetapi saya tidak boleh mendapat pengesahan bertulis daripada Responden. Saya telah banyak kali ditipu dan selepas itu saya tidak menerima apa-apa berita daripada Cik Wendy walaupun dia berkata dia akan menghubungi saya dalam masa seminggu.

Di sebaliknya saya telah menerima surat Responden bertarikh 30.11.2010 seperti di ms 35 dan 36 pada Lampiran. Walaupun pada masa itu saya bersetuju hendak membayar balik baki pinjaman saya tetapi oleh kerana perjanjian pinjaman tidak ditandatangani oleh saya maka saya menyatakan bahawa perjanjian itu adalah tak sah dari mula dan Responden tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap saya.”

17. Pemohon telah tidak diberikan satu salinan perjanjian pinjaman yang dikatakan ditandatangani olehnya. Dia hanya diberikan satu salinan fotostat perjanjian tersebut pada 20 Mei 2010 apabila dia pergi ke pejabat Responden dan mengisikan Borang Permohonan Untuk Mendapatkan Penyata Penyelesaian Awal seperti mana ditunjukkan dalam ms 15 Lampiran kepada Borang A. Mengikut penjelasannya semasa Pemeriksaan Balas, hanya selepas itu baharulah dia sedar bahawa tandatangannya dalam perjanjian pinjaman seperti mana ditunjukkan di ms 11-14 telahpun dipalsukan. Pemohon juga menjelaskan bahawa dia telah meminta En Eric membuat pengiraan bagi memastikan samada pembayaran balik kepada Bank Rakyat dengan menggunakan Overlapping Loan daripada Responden lebih menguntungkannya atau tidak. En Eric sepatutnya menunjukkan pengiraan kepadanya sebelum membuat apa-apa kelulusan pinjaman dengan Responden atau penamatan pinjamannya dengan Bank Rakyat.

18. Tiada pemeriksaan balas dibuat oleh peguam Responden bila Pemohon memberitahu Tribunal Koperasi ini bahawa tanda tangannya telah dipalsukan. Responden juga tidak dapat menyangkal fakta bahawa perjanjian pinjaman tersebut telah disediakan oleh Responden dan berada dalam simpanan Responden sehingga satu salinan fotostat diperolehi oleh Pemohon apabila dia pergi ke pejabat Responden. Saksi yang telah menandatangani perjanjian tersebut iaitu "Hoo Sang Nlee" sebagai saksi yang dapat memberi pengesahan bahawa perjanjian itu telah "DITANDATANGANI oleh Anggota", iaitu Pemohon "di hadapan" saksi tersebut telah tidak diminta menghadiri diri bagi memberi keterangan bagi pihak Responden. Tiada sebarang penjelasan diberikan oleh Responden berkenaan ketidakhadirannya dan tidak terdapat sebarang permohonan dari pihak Responden untuk sapina dikeluarkan terhadap Hoo Sang Nlee.

19. Memang adalah jelas kepada mata kasar sahaja bahawa tandatangan Pemohon di ms 11 hingga 14 berbeza di antara satu sama yang lain dan juga berbeza dengan tandatangannya dalam dokumen-dokumen lain di ms 3, 6, 7, 8, 10, 15, 17, dan 19. Maka, Tribunal Koperasi ini bolehlah membuat anggapan di bawah seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 bahawa keterangan Hoo Sang Nlee tidak akan memihak kepada Responden jika keterangannya dikemukakan. Tribunal Koperasi ini juga mengambil perhatian bahawa Responden telah menggunakan dokumen di ms 5-9 kepada Borang A yang telah dipangkah untuk memproses pinjaman Pemohon.

Penglibatan RCE Marketing Sdn Bhd dalam Pemberian Pinjaman

20. Dalam ms 1 R1, Responden telah menfailkan dokumen yang menunjukkan cek dan baucer bayaran yang dikeluarkan oleh RCE Marketing Sdn Bhd dalam pemberian pinjaman kepada Pemohon. SR2 telah memberitahu Tribunal Koperasi ini semasa soal balas bahawa pembayaran wang RM32,100.39 kepada Bank Rakyat adalah atas arahan Pemohon. Penglibatan RCE Marketing Sdn Bhd telah tidak dijelaskan kepada Tribunal

Koperasi ini dan ini telah menimbulkan tanda tanya kenapa sebuah syarikat swasta akan terlibat dengan pemberian pinjaman sebuah koperasi kepada anggotanya yang merupakan hal dalaman sesebuah koperasi.

21. Di ms 16 Lampiran kepada Borang A, Pemohon diminta membayar baki penyelesaian awal kepada RCE Marketing Sdn Bhd melalui bank deraf atau cek bank. Fakta-fakta ini membawa kepada kesimpulan bahawa Responden telah memberikan persetujuan kepada syarikat swasta untuk menikmati kelebihan yang telah diberikan kepada sesebuah koperasi iaitu keistimewaan pemotongan gaji setiap bulan daripada gaji peminjam melalui ANGKASA yang telah ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 dengan menggunakan nama Responden. Di bawah Akta Koperasi 1993, Responden tidak mempunyai kuasa untuk menyerah-hak (assign), memajak (lease) atau berkongsi keistimewaan yang telah diberikan kepadanya dengan mana-mana pihak kerana tidak terdapat peruntukan sedemikian di dalam Akta Koperasi 1993.

22. Tribunal Koperasi ini sentiasa sedar dan terikat dengan keputusan Mahkamah Agung dalam kes **Malaysia Shipyard And Engineering Sdn Bhd v Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad [1985] 2 MLJ 359**. Di ms 360, Salleh Abas LP memutuskan bahawa:

“Unlike a natural person whose position in law is that he or she can do anything unless prohibited or restricted by law, a co-operative society (of which the appellants being registered under section 7 of the Act are one) being a statutory corporation is not allowed to do anything unless authorized by the statute under which it is incorporated. In other words, the principle of law regarding powers

applicable to a co-operative society is the very reverse of that which is applicable to a natural person."

Kontrak Tidak Sah

23. Semasa Pemeriksaan Utama SP1 dalam pendengaran kes ini, Pemohon menyatakan ia bukannya seorang anggota Responden dan tidak pernah membuat permohonan untuk menjadi anggota Responden. Semasa Pemeriksaan Balas SP1, Pemohon tidak ditanya berkenaan perkara ini. Di sepanjang pendengaran kes ini, Responden tidak mengemukakan sebarang dokumen atau pernyataan berkenaan dengan kedudukan Pemohon sebagai anggota Responden ataupun menafikan pernyataan Pemohon. Tiada minit mesyuarat Lembaga yang dikemukakan bagi menunjukkan bahawa Pemohon telah diterima sebagai anggota Responden, tiada borang permohonan menjadi anggota atau daftar senarai anggota Responden yang dikemukakan dan tiada sebarang penyata yang menunjukkan penyata syer atau yuran yang dibayar oleh Pemohon dikemukakan oleh Responden untuk membatalkan pernyataan Pemohon.

24. Responden haruslah memastikan bahawa Pemohon adalah anggotanya sebelum ia boleh memberikan sebarang kemudahan kredit atau pinjaman kepada Pemohon. Ini adalah kerana terdapat halangan di bawah seksyen 51(1) Akta Koperasi 1993 terhadap Responden yang tidak membenarkan Responden memberi apa-apa kemudahan kredit kepada sesiapa kecuali anggotanya. Seksyen 51(1) adalah seperti berikut:

"51. Pembiayaan Islam atau kemudahan kredit oleh koperasi.

(1) Tiada koperasi boleh memberikan apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit **kecuali kepada anggotanya,**

pekerjanya termasuk ketua pegawai eksekutif sebagaimana yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan mereka, subsidiarinya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 19(2), atau koperasi yang lain sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya, dan pembiayaan Islam atau kemudahan kredit itu hendaklah tertakluk kepada arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dan undang-undang kecil koperasi itu.” **[Tekanan ditambahkan]**.

25. Dalam sesuatu kes, di mana Responden telah melakukan perkara yang tidak dibenarkan oleh undang-undang, kontrak yang ditandatangani tersebut adalah tidak sah (illegal) kerana menyalahi undang-undang. Prinsip am berkenaan perkara ini dinyatakan oleh **Parke B** dalam kes **Cope v Rowlands (1836) 2 M & W 149, 157** seperti berikut:

“It is perfectly settled, that where the contract which the plaintiff seeks to enforce... is expressly or by implication forbidden by the common or statute law, no court will lend its assistance to give it effect. It is equally clear that a contract is void if prohibited by a statute, though the statute inflicts a penalty only, because such a penalty implies prohibition.”

26. Prinsip am di atas telah dipakai dalam kes **Menaka v Lum Kum Chum [1977] 1 MLJ 91** iaitu suatu rayuan ke **Majlis Privy** mengenai suatu pinjaman yang telah diberikan oleh perayu iaitu seorang peminjam wang yang berdaftar kepada responden tanpa menggunakan nama berdaftaranya seperti mana dikehendaki di bawah seksyen 8(b) Ordinan Peminjam Wang. **Lord Fraser** dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

“Their Lordships are therefore of opinion that the contract and the security, having been made in contravention of section 8, are unenforceable. As the contract is not enforceable by law, it is void under section 2(g) of the Contracts (Malay States) Ordinance 1950, [now replaced by the Contracts Act 1950 which sections are in pari materia]. Neither party was aware of the illegality at the time of making the loan transaction and the documents were prepared and executed on both sides in complete good faith. The contract was ‘discovered’ to be void only after these proceedings had been started. Section 66 of the Contracts Ordinance therefore applies and both parties before this Board accepted that it does. Section 66 provides as follows:

When an agreement is discovered to be void, or when a contract becomes void, any person who has received any advantage under such agreement or contract is bound to restore it, or to make compensation for it, to the person from whom he received it.

Mohamed Azmi J gave effect to section 66 by finding that the advantage which the borrower had received under the contract was the sum of \$20,000 and that he should restore that sum to the appellant. But as he had made two payments of interest amounting together to \$600 the learned judge found that the \$600 was an advantage received by the lender and that it should be deducted from the \$20,000 leaving a balance of \$19,400 to be paid by the respondent who now represents the borrower. ..., their Lordships agree with both courts below that the principal sum of RM19,400 should be paid by the respondent to the appellant.”

27. Setelah meneliti Seksyen 51(1) Akta Koperasi 1993 seperti di atas dan keterangan yang dikemukakan, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara membuat penemuan fakta bahawa Pemohon bukannya seorang anggota Responden dan memutuskan bahawa Responden telah melanggar Seksyen 51 Akta Koperasi 1993 kerana telah memberi pinjaman kepada seorang yang bukannya anggota Responden.

Sama ada Responden Berhak Menuntut Balik Wang Pinjaman Menurut Seksyen 66 Akta Kontrak 1950 Atau Pemohon Perlu Membayar Balik Pinjaman di Bawah Kontrak Taksah.

28. Fakta kes dalam **Menaka** seakan-akan sama seperti fakta dalam kes di hadapan Tribunal Koperasi ini kecuali satu fakta. Dalam kes **Menaka**, **Lord Fraser** ada menyebut bahawa kedua-dua pihak tidak tahu mengenai ketidaksahan atau 'illegality' yang wujud semasa kontrak ditandatangani dan ketidaksahan tersebut hanya dijumpai selepas prosiding tersebut dimulakan. Manakala dalam kes di hadapan Tribunal Koperasi ini, Responden memang telah tahu mengenai ketidaksahan atau 'illegality' yang wujud semasa perjanjian pinjaman di antara Pemohon dan Responden ditandatangani. Dalam bukunya, **Law of Contract in Malaysia and Singapore Cases and Commentary 2nd Edition**, **Visu Sinnadurai** di muka surat 466 menyatakan seperti berikut:

"No relief under section 66 may be granted to either party to an illegal contract if both the parties had full knowledge of the illegality at the time the contract was entered into. Section 66 is not intended to grant any form of relief to a party who had entered into a contract which he knew to be illegal. Indeed, it would be against public policy to allow any party to obtain relief by relying on an illegal contract."
[Tekanan ditambahkan].

29. Dalam kes **Soh Eng Keng v Lim Chin Wah [1979]2 MLJ 91** Hakim Wan Yahya menekankan kesan keputusan Majlis Privy dalam kes **Menaka** berkaitan dengan seksyen 66 Akta Kontrak 1950 dan menyatakan seperti berikut:

*“To my mind, this section has to be applied with care and is not open to indiscriminate use by unlicensed moneylenders whose claims have been defeated by reason of the contravention of the provisions of the Moneylenders Ordinance 1951. **Section 66 of the Contracts Act is not intended to override those provisions of the Moneylenders Act which make contracts in money lending transactions void but it is meant to provide some relief to a party whose rights in an agreement have become unenforceable through no fault of his own making.** I am of the firm opinion that the words ‘discovered’ and ‘becomes’ appearing in section 66 above are not superfluous words used by the legislators. On the contrary, they are words inserted in that section for a specific reason and that is to qualify or restrict the type of agreements to which that section will apply. As I have said in the earlier case, **the term ‘discover’ here clearly indicates something which the parties were unaware of at the time of making the agreement and which they gained sight of or detected subsequently and the word ‘becomes’ refers to something not present when the contract was signed but came into being at a later stage.**” [Emphasis added].*

30. Seterusnya dalam kes **Wong Yoon Chai v Lee Ah Chin [1981] 1 MLJ 219**, iaitu suatu kes yang dibawa oleh seorang peminjam wang di bawah seksyen 66 Akta Kontrak

1950 untuk dikembalikan wang pinjamannya, YA Hakim Mahkamah Persekutuan Abdul Hamid telah tidak membenarkan tuntutan yang dituntut oleh peminjam wang tersebut dan YA Hakim Mahkamah Persekutuan telah menelitikan di muka surat 221 seperti berikut:

“As a licensed money lender for a period of years he could not have been ignorant of the fact that he had breached the Moneylender’s Ordinance. In any event he has not said that he had no knowledge of the illegality.”

31. Dalam kes di hadapan Tribunal Koperasi ini, kedua-dua peguam telah tidak membuat sebarang penghujahan berkenaan isu ini. Peguam Pemohon telah tidak membuat hujahan bahawa Pemohon bukannya anggota Responden dan oleh itu Responden melanggar Akta Koperasi 1993 dengan memberikan pinjaman kepada anak guamnya. Responden juga tidak membuat apa-apa untuk membatalkan pernyataan Pemohon bahawa ia bukannya anggota Responden. Akan tetapi oleh kerana isu ini jelas terpapar di hadapan mata Tribunal Koperasi ini, maka Tribunal Koperasi ini terpaksa menangani isu ini.

32. Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa Responden adalah sebuah koperasi kredit dan ia sepatutnya jelas dengan undang-undang yang hanya membenarkannya memberi pinjaman kepada anggotanya sahaja. Sepertimana yang dinyatakan oleh YA Hakim Mahkamah Persekutuan Abdul Hamid, setelah kian lama menceburi diri dalam aktiviti kredit koperasi, Responden tidak boleh mengatakan bahawa ia tidak tahu bahawa ia hanya boleh memberi pinjaman kepada anggotanya sahaja. Sebagai sebuah koperasi

kredit, Responden terikat dengan Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecilnya dalam pemberian pinjaman kepada anggotanya sahaja.

33. Responden juga tahu bahawa prinsip-prinsip koperasi hendaklah dipraktikkan olehnya semasa memberikan pinjaman kepada anggotanya, seperti mana diperuntukkan di seksyen 2 Akta Koperasi 1993 terutamanya seksyen 2(c) dan (g) iaitu prinsip 'penglibatan ekonomi oleh anggota' dan 'mengambil berat terhadap masyarakat'. "Masyarakat" dalam konteks ini bermaksud masyarakat dari komuniti mana anggotanya dipilih. Oleh kerana sesebuah koperasi diasaskan berdasarkan kepada keperluan masyarakat yang menjadi anggotanya, maka dalam konteks undang-undang koperasi, 'masyarakat' merangkumi anggota koperasi. Ini adalah jelas bila dikajinya sejarah mengenai penubuhan koperasi. Koperasi hendaklah bermatlamat untuk mempertingkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi, barulah koperasi itu boleh didaftarkan sebagai sebuah koperasi asas, seperti Responden, di bawah seksyen 4 Akta Koperasi 1993

34. Kemudahan memotong gaji anggota sesebuah koperasi bagi membayar ansuran bulanan pinjamannya dari koperasi melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) iaitu sebuah koperasi menengah, hanya boleh diberikan kepada seorang anggota koperasi. Ini adalah jelas daripada ms 9-10 dokumen yang dilampirkan kepada Borang A Pemohon. Mukasurat 9-10 adalah borang memberi izin oleh Pemohon kepada ANGKASA untuk memotong gajinya bagi membayar hutang pinjamannya kepada Responden. Dalam muka 10 adalah jelas bahawa pengakuan dan maklumat mestilah diberikan oleh "anggota organisasi" dan 'organisasi' dalam muka 9 disahkan sebagai "KOWAJA".

35. Semasa perjanjian pinjaman itu ditandatangani, Responden telah tahu atau mesti sedar akan syarat dan peruntukan dalam Akta Koperasi 1993 bahawa ia hanya boleh memberi pinjaman kepada anggotanya sahaja dan kemudahan potongan gaji melalui ANGKASA hanyalah terhad kepada anggota organisasinya sahaja. Responden haruslah sedar bahawa sistem pembayaran potongan gaji melalui ANGKASA adalah suatu kemudahan khas yang diberikan kepada sesebuah koperasi di mana gaji masa depan anggotanya 'digadaikan' kepadanya.

36. Gaji anggotanya akan dipotong pada setiap bulan oleh Kerajaan Malaysia dan dibayar kepada ANGKASA sebaik sahaja gaji tersebut genap dibayar oleh Kerajaan Malaysia kepada pegawai dan kakitangannya yang merupakan anggota koperasi bagi membayar pinjaman mereka dengan koperasi tanpa gaji tersebut memasuki akaun mereka masing-masing. Ini adalah kelebihan yang telah dipersetujui oleh Jabatan Akauntan Negara dengan ANGKASA dan koperasi dan tidak boleh disalah gunakan oleh mana-mana pihak. Memang Tribunal Koperasi ini mempunyai tanggung jawab bersama untuk memastikan bahawa sistem ini tidak disalah gunakan oleh sesiapaapun.

37. Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa ketidaksahan dalam kes ini bukannya sesuatu yang timbul hanya selepas perjanjian pinjaman di antara Pemohon dan Responden ditandatangani. Setelah membaca kes-kes dan prinsip-prinsip undang-undang di atas, Tribunal Koperasi ini memutuskan secara sebulat suara bahawa Responden tidak boleh bergantung kepada perjanjian pinjaman itu atau seksyen 66 Akta Kontrak 1950 untuk menuntut kembali wang yang dipinjamkan kepada Pemohon. Maka, Responden tidak berhak mendapat balik wang pinjamannya kerana kontrak perjanjiannya adalah tidak sah *ab initio* dan Pemohon tidak boleh menuntut pemulangan wang ansuran yang telah dibayar dan tidak perlu membayar balik baki wang pinjaman kepada Responden.

Pembayaran Faedah kepada Responden

38. Dalam kes **Menaka**, Majlis Privy juga tidak membenarkan tuntutan faedah yang dibuat kerana jika tuntutan itu dibenarkan, ini akan bermakna bahawa kontrak pinjaman yang tidak sah tersebut telah dibenarkan dikuatkuasakan dan ini akan menghalang pelaksanaan seksyen 8 Ordinan Peminjam Wang (Moneylenders Ordinance). Begitu juga keadaannya jika kontrak pinjaman dalam kes di hadapan Tribunal Koperasi ini dibenarkan dikuatkuasakan oleh Responden. Seksyen 51(1) Akta Koperasi 1993 tidak dapat dipatuhi dan kontrak yang tidak sah akan diberikan kuasa dan perjanjian di mana tandatangan peminjam dipalsukan akan dianggap sebagai perjanjian yang sah. Tribunal Koperasi ini tidak dapat memberikan bantuan kepada Responden untuk menguatkuasakan kontrak yang tidak sah di sisi undang-undang.

39. Dalam penghujahan peguam Pemohon, suatu tawaran telah dibuat kepada Responden bagi membayar balik jumlah RM27,249.20 pada atau sebelum 31 Disember 2011. Jumlah tersebut terdiri daripada –

Jumlah yang dibayar oleh Responden kepada Bank Rakyat bagi pihak Pemohon	RM32,100.39
Jumlah yang dikreditkan ke dalam akaun Pemohon	RM7,830.61
Jumlah pinjaman yang diterima oleh Pemohon	RM39,931.00
Campur Faedah 1.99% setahun dari Feb 2010-Dis 2011	RM1,456.80
Jumlah Besar Yang Perlu Dibayar oleh Pemohon	RM41,387.80
Tolak Potongan Biro ANGKASA 20 x RM706.93 sehingga Dis 2011 (seperti mana dipinda semasa penghujahan)	RM14,138.60
Jumlah Penyelesaian Awal yang Ditawarkan oleh Pemohon	RM27,249.20

40. Semasa perjalanan kes ini, tawaran ini telah tidak diterima oleh Responden dan Responden juga ada membuat tawaran kepada Pemohon. Walaupun kedua-dua pihak diminta untuk mengkaji dengan teliti tawaran-tawaran yang dikemukakan, kedua-dua pihak tidak mahu berganjak dari pendirian masing-masing dan bersetuju meneruskan dengan pendengaran kes ini. Sebelum keputusan kes ini diberikan, Responden sekali lagi diminta menelitikan tawaran yang telah dibuat oleh Pemohon dan membuat penimbangan yang sewajarnya berdasarkan kepada undang-undang dan keseluruhan fakta serta keterangan yang telah dikemukakan semasa pendengaran kes ini. Akan tetapi tawaran Pemohon untuk membuat penyelesaian damai sebanyak RM27,249.20 masih ditolak oleh Responden.

41. Setelah ditelitikan tawaran yang dibuat oleh Pemohon untuk membayar balik jumlah wang yang diterima olehnya sahaja bersama dengan faedah pada kadar 1.99% setahun dari Februari 2010 hingga Disember 2011, adalah didapati bahawa jika Responden tidak boleh bergantung ke atas perjanjian pinjaman yang tidak sah untuk meminta supaya wang pinjamannya dikembalikan sepenuhnya, maka sudah tentu faedah yang dikenakan juga tidak boleh dituntut. Di sebaliknya, Pemohon berhak menyatakan bahawa ia tidak perlu membuat sebarang bayaran seterusnya kepada Responden kerana Responden tahu dari awalnya semasa Responden memberikan pinjaman kepada Pemohon bahawa Responden dilarang memberikan pinjaman kepada orang-orang yang bukan anggotanya dan perjanjian pinjaman itu dipalsukan tandatangannya dan tidak sah di sisi undang-undang dan dengan itu seksyen 66 Akta Kontrak 1950 tidak terpakai seperti mana dinyatakan dalam kes-kes yang dirujuk di atas.

42. Tribunal Koperasi ini membuat keputusan sebulat suara bahawa Responden tidak dibenarkan menuntut sebarang faedah dengan berpandukan kepada perjanjian

pinjaman yang tidak sah. Tribunal Koperasi ini juga membuat keputusan sebulat suara bahawa Pemohon tidak perlu membayar balik RM25,792.40, yang terdiri daripada jumlah pinjaman yang diterima oleh Pemohon sebanyak RM39,931.00 tolak jumlah potongan gaji sebanyak RM14,138.60 yang telah dibuat oleh Pemohon sehingga 31 Disember 2011. Permohonan Pemohon di Borang A memohon agar perjanjian pinjaman ini dibatalkan kerana ini adalah kes tipu dibenarkan. Pemohon juga tidak dibenarkan menuntut balik sebarang bayaran ansuran yang telah dibayar berdasarkan atas prinsip "The loss shall lie where it falls".

43. Bagi memastikan bahawa potongan gaji Pemohon diberhentikan oleh ANGKASA pada 31 Disember 2011, di samping memberitahu pihak pengurusan kewangan majikannya, Pemohon juga haruslah menyerahkan satu salinan Award Tribunal Koperasi ini ke atas ANGKASA.

Bertarikh pada 4 November 2011.